

02/12/1997

Dewan sokong usul bantah Kongres Amerika

DEWAN Undangan Negeri Selangor ke-9 yang bersidang semalam, sebulat suara menyokong usul Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar membantah tindakan 34 ahli Kongres Amerika Syarikat yang meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memohon maaf dan meletak jawatan.

Semua 49 Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), termasuk pembangkang menyokong penuh kepemimpinan Perdana Menteri dan berikrar berdiri teguh bersamanya dalam menangani sebarang masalah dihadapi negara sekarang.

Dewan juga menyifatkan tindakan 34 anggota Kongres itu yang dalam draf resolusi mereka memberi kata dua kepada Perdana Menteri sebagai satu penghinaan dan campur tangan terhadap urusan bangsa dan negara ini.

Di dalam usulnya, Abu Hassan berkata, Dewan yang bersidang semalam mengutuk sekeras-kerasnya tindakan 34 anggota Kongres yang tidak bertanggungjawab, angkuh lagi biadap kerana bertentangan dengan prinsip hak asasi manusia serta kedaulatan bangsa Malaysia.

"Dewan juga memberi sepenuh kepercayaan kepada Dr Mahathir untuk terus memimpin Malaysia ke arah negara maju, bersatu padu, merdeka lagi berdaulat," katanya.

(END)